

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23.11.2016

Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah penerimaan rakyat terhadap program turun padang menerusi Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile CTC) yang diwujudkan bagi mendekatkan lagi perkhidmatan Kerajaan terus kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana YB Jerantut sedia maklum, di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy-NBOS*) Kerajaan telah memperkenalkan program Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (*Mobile Community Transformation Centre*) atau lebih dikenali sebagai Mobile CTC. Program Mobile CTC diwujudkan

dengan **tujuan untuk memberikan perkhidmatan utama/tertentu (*key touchpoint services*) yang diperlukan oleh penduduk luar bandar atau komuniti pedalaman.** Program ini selaras dengan pelaksanaan program Pusat Transformasi Bandar (*Urban Transformation Centre - UTC*) bagi komuniti bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar (*Rural Transformation Centre - RTC*) bagi komuniti luar bandar.

Semenjak pelancaran program Mobile CTC oleh YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2013 di Pekan Pahang, program Mobile CTC telah diadakan di 222 lokasi di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Berdasarkan kepada bilangan pengujung di seluruh negara, didapati rakyat menyambut baik inisiatif Mobile CTC ini dan sehingga kini program Mobile CTC telah memberi manfaat kepada lebih 1.84 juta penduduk luar bandar.